

# Beri didikan, latihan supaya gelandangan mampu berdikari

su gelandangan tidak akan pernah selesai. Namun dengan strategi yang baik permasalahan ini mampu dikurangkan.

Peruntukan diberikan kerajaan seolah gaji bulanan untuk golongan ini. Apa yang mereka perlukan sebenarnya adalah pendi-

dikan dan modal insan agar mereka boleh menyambung kembali kehidupan yang mereka rasakan separuh gagal.

Gelandangan yang lulus 'universiti kehidupan' ini perlu menyambung tugas mendidik golongan yang masih memegang ge-

laran berkenaan.

Ini dapat melenyapkan peluang pihak yang mengambil kesempatan dengan menubuhkan persatuan dengan hasrat menyahgunakan sumbangan atau dana disediakan kerajaan dan rakyat yang prihatin.

**Persatuan ambil kesempatan**  
Kebanjiran persatuan yang ditubuhkan demi mencari peruntukan adalah budaya yang tidak baik. Perumpamaan yang paling tepat untuk golongan ini ialah

menangguk di air keruh.

Keikhlasan untuk membantu golongan gelandangan adalah dengan menjadi sukarelawan kepada persatuan berdaftar dan persatuan sedia ada.

**Kurangkan gelandangan**

Fokus yang harus diberikan adalah untuk mengurangkan kewujudan golongan gelandangan dan bukannya memantau persatuan mana yang sah atau tidak sah yang menyebabkan ketirisan dana berlaku.

Saya menyeru kepada golongan gelandangan yang berasal dari Kelantan untuk menghubungi pihak kami agar kewujudan mereka dapat direkodkan bagi memudahkan sistem tadbir urus pihak sedia ada yang sudah lama dan pakar dalam menyeliahal ehwal gelandangan di Malaysia terutama di Kuala Lumpur.



**Hanafi Hamid,**  
Universiti Sains  
Islam Malaysia